

Kena kompaun RM3,000 enggan pakai pelitup muka di KLCC

KUALA LUMPUR – Tindakan seorang wanita warga asing yang membuat onar apabila enggan memakai pelitup muka ketika mahu memasuki butik mewah di Suria KLCC, Khamis lalu berbalas apabila dia dikompaun sebanyak RM3,000.


Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya berkata, kompaun dikeluarkan mengikut Peraturan 17(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2021.

Katanya, dua kompaun dikeluarkan ke atas individu terbabit yang mana setiap satu kesalahan berjumlah RM1,500.

“Kesalahan pertama ialah tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kesihatan apabila gagal mendaftar masuk ke premis menggunakan aplikasi MySejahtera di kawasan capaian internet yang luas,

“Bagi kesalahan kedua ialah tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kesihatan kerana gagal memakai pelitup muka ketika berada di dalam premis,” ujarinya.

Kosmo! pada 27 Oktober lalu melaporkan, seorang wanita warga asing dilaporkan mengemukakan di sebuah pusat beli-belah terkenal di ibu kota selepas dia



TANGKAP layar video tular seorang wanita yang enggan memakai pelitup muka di pusat beli-belah KLCC, Kuala Lumpur pada Khamis lalu.

dilarang memasuki salah sebuah butik mewah di premis itu berikutan gagal mematuhi SOP ditetapkan.

Malah, wanita itu yang enggan mengenakan pelitup muka ketika berada di dalam pusat beli-belah terbabit turut dilihat bertengkar dengan beberapa petugas butik selepas dia diminta untuk mematuhi SOP digariskan.

Menerusi dua video tular, wanita terbabit dilihat meminta kepada petugas premis tidak melarangnya masuk memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara bebas.

Tindakannya itu turut mendapat perhatian Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang mahu Kementerian Kesihatan menyiasat kejadian berkenaan.